

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kluster baharu di Semporna

Wanita rakyat Malaysia positif ketika saringan kemasukan Hospital Tawau

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzki@bh.com.my

Putrajaya: Sabah mencatatkan satu lagi kluster COVID-19 dikenali sebagai Kluster Selamat di Semporna selepas seorang wanita yang mendapatkan rawatan kerana kelahiran pramatang, dikesan positif pada 14 September lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata rakyat Malaysia berusia 32 tahun itu didapati positif ketika saringan kemasukan ke Hospital Tawau.

Beliau berkata, hasil saringan kontak rapat dan pengesanan kes secara aktif yang dijalankan, pihaknya mengesan satu lagi kes positif.

"Ia membabitkan seorang lelaki berusia 29 tahun yang juga pegawai perubatan merawat kes indeks. Setakat hari ini (semalam), seramai 118 individu sudah disaring dalam kluster itu.

"Daripada jumlah itu, dua kes dikesan positif COVID-19 dan 116 individu masih menunggu keputusan saringan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Susulan itu, Dr Noor Hisham berkata, pihaknya sudah menjalankan langkah pencegahan penularan seperti proses nyah kuman dan pembersihan di lokasi dikenal pasti.

Beliau berkata, punca jangkitan masih dalam siasatan dan aktiviti mengawal penularan bagi kluster itu giat dijalankan di lapangan.

Secara keseluruhan setakat

jam 12 tengah hari semalam, katanya, 21 kes baharu dikesan membabitkan 16 jangkitan tempatan dan lima kes import.

Bagi jangkitan baharu di dalam negara, 15 kes membabitkan rakyat Malaysia dan satu bukan warga negara.

Daripada jumlah itu, lima kes baharu dikesan di Sabah, termasuk dua daripada hasil saringan Kluster Benteng Lahad Datu (LD) membabitkan masing-masing seorang rakyat Malaysia dan bukan warga negara.

Selain itu, masing-masing satu kes membabitkan warga negara dalam Kluster Selamat di Semporna, saringan kemasukan ke Hospital Tawau dan saringan sign-off kapal di Pelabuhan Sipitang.

Tujuh jangkitan dikesan di Kedah membabitkan enam daripada Kluster Sungai dan satu kes saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara

Pentadbiran Daerah Kota Setar membabitkan seorang warga negara.

"Dua kes dikesan di Pulau Pinang, iaitu saringan kontak rapat kepada kes 9,397 yang juga ahli keluarga tinggal serumah.

"Satu kes di Selangor (saringan bergejala di Hospital Sungai Buloh) dan satu lagi dikesan hasil saringan Pintu Masuk Antarabangsa di Sarawak," katanya.

Dr Noor Hisham Abdullah memaklumkan, jumlah kes positif dalam Kluster Benteng LD kini mencecah 474, manakala Kluster Sungai 65.

Seterusnya, beliau berkata, semua lima kes import pula membabitkan rakyat Malaysia, iaitu dua individu pulang dari New Zealand dikesan di Selangor dan masing-masing seorang individu pulang dari India, Pakistan serta China yang dikesan di Sabah.

Sebanyak 13 pesakit sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi



Punca jangkitan masih dalam siasatan dan aktiviti mengawal penularan bagi kluster itu giat dijalankan di lapangan.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

(ICU) dengan dua memerlukan bantuan pernafasan.

Tiada korban baharu dilaporkan, semalam, dengan jumlah kematian kekal 128 kes, manakala 15 kes pulih direkodkan (jumlah kumulatif 9,250 kes atau 92 peratus).

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : LOKAL

21 kes baharu direkod

Kuala Lumpur: Jangkitan baharu Covid-19 dalam negara merekodkan 21 kes, semalam menjadikan jumlah kumulatif kes keseluruhan penularan wabak itu sebanyak 10,052 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, lima kes adalah kes import yang mendapat jangkitan di luar negara membabitkan warganegara yang pulang ke negara ini.

"Semua mereka pulang dari New Zealand (2 kes di Selangor); India (1 kes di Sabah); Pakistan (1 kes di Sabah) dan China (1 kes di Sabah).

"Daripada 16 kes penularan dalam negara, 15 kes adalah warganegara dan satu kes adalah bukan warganegara.

"Ia membabitkan lima kes di Sabah iaitu dua dari Kluster Benteng LD, satu

dari Kluster Selamat, satu kes saringan kemasukan ke Hospital Tawau dan satu kes dari saringan sign-off kapal di Pelabuhan Sipitang," katanya menerusi satu kenyataan media berkaitan Covid-19, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, selain itu, tujuh kes direkodkan di Kedah iaitu enam daripada Kluster Sungai dan satu kes saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di daerah Kota Setar.

"Pulau Pinang mencatatkan dua kes membabitkan saringan kes saringan kontak rapat kepada kes ke-9397 yang juga ahli keluarga tinggal serumah.

"Manakala satu kes saringan bergejala di Hospital Sungai Buloh dan satu kes saringan Pintu Masuk Antarabangsa (PMA) dikesan positif di Sarawak," katanya.

Kluster Selamat pula

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengenal pasti satu kluster baharu pandemik Covid-19 di negara ini iaitu Kluster Selamat di Semporna, Sabah.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Kluster Selamat dikesan selepas kes indeks kluster (iaitu kes ke-9,969) adalah seorang wanita warganegara berusia 32 tahun.

"Beliau didapati positif Covid-19 pada 14 September lalu ketika saringan kemasukan ke Hospital Tawau bagi kelahiran pramatang.

"Hasil saringan kontak rapat dan pengesanan kes

secara aktif (*Active Case Detection*), satu lagi kes positif Covid-19 dikesan," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, kes berkenaan membabitkan seorang pegawai perubatan yang merawat kes indeks.

"Sehingga hari ini (semalam), seramai 118 individu sudah disaring dalam kluster ini dan daripada jumlah itu dua kes dikesan positif Covid-19.

"Manakala, 116 individu masih menunggu keputusan, langkah pencegahan penularan jangkitan seperti proses nyah kuman dan pembersihan dijalankan di lokasi yang dikenal pasti," katanya.

7 guru, enam pelajar positif koronavirus

Jangkitan dikesan daripada saringan kontak Kluster Benteng LD

Oleh Yun Mikail
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Jabatan Kesihatan Sabah mengesahkan enam pelajar dan tujuh guru di tiga sekolah di Lahad Datu positif Covid-19, kelmarin.

Pengarahnya, Datuk Dr Christina Rundi berkata, jangkitan membabitkan pelajar dan guru itu dikesan menerusi saringan kontak Kluster Benteng LD.

"Kes ke-921, kes ke-925 hingga ke-935 dikesan positif Covid-19 ketika pemeriksaan saringan kontak Kluster Benteng LD dilaksanakan.

"Semua kes sudah berada

di bawah jagaan Hospital Lahad Datu," katanya dalam kenyataan media, di sini, semalam.

Dalam pada itu, Dr Christina berkata, seramai 35 orang kena tahan (OKT) di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu juga disahkan positif Covid-19.

"Ia membabitkan 20 lelaki bukan warganegara dan 15 lelaki warga tempatan iaitu kes ke-882 sehingga ke-916," katanya.

Dalam pada itu, Dr Christina berkata, seramai 35 orang kena tahan (OKT) di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Lahad Datu juga disahkan positif Covid-19.

"Ia membabitkan 20 lelaki bukan warganegara dan 15 lelaki warga tempatan iaitu kes ke-882 sehingga ke-916," katanya.

Sementara itu, Dr Christina berkata, jumlah kumulatif jangkitan Covid-19 di Sabah merekodkan 937 kes

keseluruhan setakat kelmarin.

Beliau berkata, jumlah itu selepas pertambahan 60 kes baharu di lima daerah iaitu Lahad Datu (54), Sandakan (3), Tawau (1), Kunak (1) dan Kota Kinabalu (1) yang dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) kelmarin.

"Setakat 16 September terdapat satu kes baharu untuk Kluster Pulau di Kunak menjadikan jumlah kes sebanyak 10 orang, tidak ada pertambahan kes untuk Kluster Laut di Kunak.

"Kluster Benteng LD masih aktif dengan pertambahan 35 kes baharu dari Lahad Datu (kelmarin)," katanya.



Ikut SOP

PENUMPANG yang menaiki Bas Go KL di Hab Dato' Keramat dilihat memakai pelitup muka dan menjaga penjarakan sosial selaras dengan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh kerajaan. - Bernama

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

4

Negara!

Kosmo! JUMAAT 18 SEPTEMBER 2020



Covid-19 #kitamestimenang

Kluster Selamat di Semporna babit pegawai perubatan

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Satu lagi kluster baharu dikesan iaitu Kluster Selamat di Semporna, Sabah selepas saringan ke atas seorang wanita berusia 32 tahun di Hospital Tawau bagi kelahiran pramatang.

Wanita warga Malaysia itu (kes ke-9,969) didapati positif Covid-19 pada 14 September lalu dan susulan itu, seorang pegawai perubatan lelaki berusia 29 tahun (kes ke-10,037) yang merawatnya juga disahkan positif semalam.

Kluster baharu tersebut menyumbang kepada angka kes Covid-19 semalam dengan 21 kes Covid-19 dilaporkan menjadikan jumlah kes positif sebanyak 10,052 kes.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 16 kes adalah penularan tempatan manakala lima lagi adalah kes import.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, pegawai perubatan tersebut disahkan positif selepas hasil saringan kontak rapat



NOOR HISHAM

dan pengesanan kes secara aktif dibuat.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 118 individu telah disaring dalam kluster ini dan 116 lagi masih menunggu keputusan.

"Langkah pencegahan penularan jangkitan seperti proses nyah kuman dan pembersihan telah dijalankan di lokasi-lokasi yang dikenal pasti.

"Punca jangkitan masih di dalam siasatan dan aktiviti me-

ngawal penularan jangkitan bagi kluster ini giat dijalankan di lapangan," katanya dalam satu kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, dua lagi kes penularan tempatan membabitkan saringan Kluster Benteng LD iaitu seorang warga Malaysia dan seorang warga asing menjadikan sebanyak 474 kes positif dalam kluster tersebut.

"Daripada jumlah kes positif itu, 215 adalah warganegara, manakala 259 warga asing melibatkan Filipina (168 kes) dan Indonesia (91 kes).

"Dua lagi kes di Sabah membabitkan warga Malaysia iaitu satu saringan kemasukan ke Hospital Tawau dan satu lagi saringan sign-off kapal di Pelabuhan Sipitang," katanya.

Pada masa sama, Noor Hisham berkata, enam kes baharu dilaporkan dalam Kluster Sungai di Kedah semalam menjadikan kes positif Covid-19 dalam kluster tersebut sebanyak 65 kes.

Katanya, sebanyak 22,317 individu telah disaring dalam kluster tersebut di Kedah, Pulau Pinang

dan Perlis, manakala sebanyak 2,508 individu masih menunggu keputusan.

Mengulas lanjut, beliau berkata, satu lagi kes tempatan di Kedah membabitkan warga Malaysia yang disaring di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran di daerah Kota Setar.

Tambah beliau, kes penularan tempatan turut dilaporkan di Pulau Pinang dengan dua kes saringan kontak rapat kepada kes ke-9,397 yang merupakan ahli keluarganya yang tinggal serumah.

"Walaupun ada tiga kes positif, jangkitan ini tidak dikategorikan sebagai kluster kerana ketiga-tiganya tinggal serumah. Serumah bukan kluster," katanya.

Selain itu, katanya, kes penularan tempatan turut dilaporkan di Selangor dan Sarawak masing-masing satu kes iaitu saringan bergejala di Hospital Sungai Buloh dan saringan pintu masuk antarabangsa.

"Kedua-dua mangsa adalah warganegara," katanya.



Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	21
Import: 5 Tempatan: 16	
• Pulih	15
• Kematian	0
• Masih dirawat	674
• Jumlah kes sembuh	9,250
• Jumlah kematian	128
Jumlah kes keseluruhan	10,052

Bagi lima kes import pula, beliau berkata, kesemuanya membabitkan warga Malaysia yang pulang dari negara New Zealand, India, Pakistan dan China.

Sementara itu, katanya, sebanyak 13 kes sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi dengan dua kes memerlukan bantuan pernafasan serta tiada kes kematian.

6 pelajar, 7 guru di Lahad Datu positif

Oleh IVAN AMIRUL

KOTA KINABALU – Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS) mengesahkan seramai enam pelajar serta tujuh guru melibatkan tiga buah sekolah di daerah Lahad Datu disahkan positif Covid-19.

Pengarah Kesihatan Sabah, Datuk Dr. Christina Rundi berkata, semua kes ialah kes ke-921, 922 dan 925 sehingga kes 935 di Sabah.

"Pelajar dan guru ini dikenal pasti positif Covid-19 ketika pemeriksaan saringan kontak Kluster Benteng LD.

"Namun semua kes kini sudah mendapat rawatan dan berada di bawah jagaan Hospital Lahad Datu," katanya menerusi kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, selain itu, JKNS turut mendapati kes ke-917 hingga 920 adalah melibatkan petugas kesihatan yang dikesan positif sewaktu saringan kontak kes ke-436.

"Manakala kes ke-923 dan 924 merupakan kontak serumah kepada petugas kesihatan terbabit yang disaring pada masa sama.

Sementara itu, Christina berkata, seramai 35 orang kena ta-



PILIHAN Raya Negeri Sabah pada 26 September depan bakal berlangsung dalam suasana norma baharu berikutan penularan Covid-19. – SHIDDIQIIN ZON

han (OKT) di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu juga dikesan positif Covid-19.

"Ta membabitkan 20 lelaki bukan warganegara dan 15 lelaki warga tempatan iaitu kes ke-882 sehingga 916," katanya.

Terdahulu, sebanyak 937 kes

positif Covid-19 direkodkan berlaku di Sabah setakat kelmarin.

Jumlah berkenaan menunjukkan pertambahan 60 kes baharu di lima daerah seperti Lahad Datu (54), Sandakan (3), Tawau (1), Kunak (1) dan Kota Kinabalu (1) pada kelmarin.

Seorang kakitangan JKR dijangkiti Covid-19

KUALA LUMPUR – Seorang kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) di ibu pejabat JKR di Jalan Sultan Salahuddin, di sini disahkan positif Covid-19 kelmarin.

Menurut kronologi perjalanan kakitangan tersebut yang dikeluarkan JKR, dia disahkan positif Covid-19 ketika dalam penerbangan dari Kuching, Sarawak untuk menghadiri satu mesyuarat selepas mengambil ujian swab secara rawak di Lapangan Terbang Kuching pada 14 September lalu.

"Dalam perjalanan pulang, pihak Hospital Kuching telah menghubungi beliau dan memaklumkan beliau positif Covid-19," menurut kenyataan yang dikeluarkan JKR semalam.

Menurut JKR, kakitangan itu telah dihantar ke Hospital Sungai Buloh untuk rawatan lanjut sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur kelmarin.

"JKR telah mengemukakan senarai nama kontak rapat kepada Kementerian Kesihatan. Untuk makluman, kontak rapat dalam kalangan kakitangan JKR telah dan akan menjalani saringan serta menjalani proses kuarantin di rumah.

"Langkah proaktif telah di-



Untuk makluman, kontak rapat dalam kalangan kakitangan JKR telah dan akan menjalani saringan serta menjalani proses kuarantin di rumah."

ambil dengan menjalankan proses disinfeksi di lokasi dikenal pasti," ujarnya.

Hebahan infografik mengenai tatacara pencegahan jangkitan Covid-19 di tempat kerja telah dibuat kepada warga kerja menerusi laman sosial rasmi, portal, dan e-mel rasmi JKR Malaysia.

Jabatan itu juga bekerjasama dengan pihak berkuasa untuk sebarang tindakan lanjut.

"JKR ingin menegaskan bahawa kami sentiasa memantau perkembangan terkini Covid-19 dan akan melaksanakan sebarang langkah pencegahan yang diperlukan.

"Sebarang kesulitan yang dialami sewaktu pelaksanaan langkah-langkah ini adalah amat dikesali dan pemakluman situasi terkini akan dimaklumkan dari semasa ke semasa," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kosmo/JUMAAT 18 SEPTEMBER 2020

Negara!

5

Covid-19 #kitamestimenang



Negara catat 449 kes dalam seminggu

KUALA LUMPUR - Malaysia merekodkan sebanyak 449 kes baharu dalam tempoh tujuh hari bermula 10 September lalu hingga kelmarin.

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam satu kenyataan di Facebook rasminya berkata, dalam tempoh tersebut kes baharu dilaporkan dengan melibatkan warganegara tempatan iaitu 426 kes dan 23 bukan warganegara.

"Kes harian Covid-19 di negara ini kekal dua digit kecuali pada 11 September lalu apabila melonjak dengan 182 kes yang sebahagian besar dari Kluster Benteng LD di Sabah.

"Kes bukan warganegara melibatkan tahanan di Ibu Pejabat Polis Daerah Lahad Datu dan banduan di Penjara Tawau," katanya.

Katanya, kes-kes import di negara ini hampir tiada selepas kerajaan menyekat kemasukan

pemegang Pas Lawatan (Sosial) Jangka Panjang dari 23 negara bermula 7 September lalu.

"Berdasarkan kes-kes harian, kadar kebolehjangkitan dalam komuniti atau nilai Rt di negara kita berada pada paras melebihi 1.0 iaitu 1.58 setakat 13 September lalu.

"Peningkatan nilai Rt ini dipengaruhi peningkatan kes baharu di Sabah dan Kedah," ujarnya.

Katanya, dengan kadar kebolehjangkitan dalam komuniti yang tinggi ini, setiap individu perlu memainkan peranan untuk memutuskan rantaian Covid-19.

"Sentiasa patuh kepada prosedur operasi standard, mengamalkan langkah pencegahan dan mengikuti nasihat kesihatan KKM.

"Jaga penjarakan fizikal dengan mengelak berada di tempat sesak dan sempit. Jika ada pilihan, pilihlah untuk berada di rumah," tambahnya.



AKTIVITI pendaratan hasil laut di Pasar Safma, Kota Kinabalu tetap berjalan seperti biasa walau berlaku peningkatan kes Covid-19 di kawasan Pantai Timur Sabah. - SHIDDIQIN ZON

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

12



MEMERANGI WABAK COVID-19

JUMAAT 18 SEPTEMBER 2020 • SINAR HARIAN

Lagi kluster baharu di Sabah

Kluster Selamat bابتkan pegawai perubatan hospital yang merawat kes indeks

Oleh **TUAN BUQHAIKHAH**
TUAN MUHAMAD ADNAN

PUTRAJAYA

Kluster Selamat diisytiharkan sebagai kluster terbaharu di Sabah dengan dua individu disahkan positif koronavirus (Covid-19).

Ia sekali gus menjadikan kluster keempat di negeri itu selepas Kluster Benteng LD, Laut dan Pulau.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster tersebut membabitkan dua individu ter-



Kluster Selamat muncul kluster keempat di Sabah selepas Kluster Benteng LD, Laut dan Pulau.

masuk seorang pegawai perubatan hospital yang merawat kes indeks.

"Kes indeks merupakan wanita berusia 32 tahun yang dimasukkan ke Hospital Tawau bagi kelahiran pramatang. Wanita tersebut disahkan positif Covid-19 ketika saringan kemasukan ke hospital berkenaan.

"Hasil saringan mengesan

seorang pegawai perubatan yang merawat pesakit berkenaan turut dijangkiti Covid-19," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, sehingga 17 September, sejumlah 118 individu telah disaring dalam kluster berkenaan dengan dua disahkan positif manakala 116 individu masih menunggu keputusan.

21 kes baharu dilaporkan semalam

PUTRAJAYA - Terdapat 21 kes baharu positif koronavirus (Covid-19) dilaporkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) semalam.

Ketua Pengarahnya, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kes baharu itu membabitkan lima kes import dan 16 penularan tempatan.

"Bagi penularan dalam negara, 15 kes melibatkan rakyat tempatan dan satu warga asing," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, KKM mengesan lima kes membabitkan dua saringan Kluster Benteng LD di Sabah.

"Tiga lagi masing-masing Kluster Selamat, saringan Hospital Tawau dan saringan

sign off kapal di Pelabuhan Sipitang," katanya.

Beliau berkata, di Kedah pula, tujuh kes dikesan membabitkan enam daripadanya Kluster Sungai.


"Satu lagi kes saringan di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) secara pentadbiran di Kota Setar," tambah beliau.

Selain itu, KKM turut mengesan dua kes di Pulau Pinang yang merupakan ahli keluarga kepada kes ke-9,397 yang tinggal serumah.

"Selangor pula satu kes saringan bergejala dikesan dan ditempatkan di Hospital Sungai Buloh manakala satu kes saringan di pintu masuk antarabangsa di Sarawak turut dikenal pasti," katanya.


SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM

Bilangan kes Covid-19 mengikut negeri di Malaysia



*Dikemas kini pada jam 6 petang 17 September 2020

Jumlah jangkitan Covid-19 di Malaysia semalam meningkat daripada 10,031 kes kepada 10,052 kes



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI


JUMLAH KESELURUHAN: 10,052

PULIH: 9,250

ICU: 13

KEMATIAN: 128

KES BAHARU: +21



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

14



N NASIONAL

JUMAAT 18 SEPTEMBER 2020 • SINAR HARIAN

Kenal pasti pelitup muka tiruan

KPDNHEP cari mekanisme sesuai elak pengguna tertipu

Oleh NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Satu mekanisme sesuai akan dikenal pasti bagi mengesan pelitup muka tiga lapis yang tidak memenuhi fungsi pemakaian ataupun tidak mengikut piawaian sebenar bagi menghalang penularan Covid-19.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) akan bekerjasama dengan Jabatan Kimia Malaysia dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk mengenal pasti mekanisme itu.

Menurutnya, mekanisme terbabit penting bagi memudahkan pengguna mengenal pasti pelitup muka yang mengikut piawaian yang mampu menghalang penyebaran pandemik koronavirus (Covid-19).

"Pelitup muka tiga lapis perlu berfungsi untuk menghalang penyebaran Covid-19 tetapi bila kita periksa di makmal ada pelitup muka yang tidak menepati fungsi tersebut.

"Dengan harga pelitup muka kini ada yang dijual murah walaupun tiga lapis tetapi kita bimbang sekiranya ia tidak memenuhi fungsi bagi menghalang penyebaran Covid-19," katanya pada sidang akhbar ketika melakukan



Rosol (tengah) pada sidang akhbar di Syarikat Durio Sdn Bhd di Johor Bahru semalam.

tinjauan di Syarikat Durio Sdn Bhd di sini semalam.

Rosol berkata, difahamkan alat bagi menguji keberkesanan filtrasi pelitup muka (*filtration efficiency testing equipment*) hanya terdapat di KKM dan sebuah syarikat pengeluar pelitup muka di Johor.

Bagaimanapun, harga alat terbabit dikatakan sangat tinggi menyebabkan Kementerian mencari pendekatan lain dengan mengenal pasti mekanisme terbaik yang akan digunakan sebagai garis panduan bagi pembelian pelitup muka tiga lapis yang memenuhi fungsi menghalang penyebaran Covid-19.

Dalam pada itu, bagi memastikan bekalan pelitup muka mencukupi di pasaran, KPDNHEP Johor telah menjalankan 3,712 pemeriksaan ke atas premis yang menjual pelitup muka

sejak 29 Januari lalu.

"Sebanyak 174 aduan berkaitan harga pelitup muka diterima KPDNHEP Johor, melibatkan penjualan harga pelitup muka yang mahal.

"Sebanyak sembilan kes di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 dengan jumlah kompaun sebanyak RM44,000 melibatkan dua kes kesalahan tiada penandaan tanda harga dan tujuh kes menjual apa-apa barangan terkawal dengan harga yang tinggi daripada harga kawalan," katanya.

Mengenai bekalan pelitup muka di seluruh negara, katanya, bekalan mencukupi dengan pengeluaran di 15 kilang pengeluar pelitup muka di seluruh negara kini mengeluarkan sebanyak 100 juta keping pelitup muka setiap bulan.

Penumpang Malindo Air ke Sabah berjaya dikesan

KOTA KINABALU - Pejabat Kesihatan Kota Kinabalu berjaya menjejaki penumpang yang menaiki pesawat Malindo Air OD1008 dari Kuala Lumpur ke Kota Kinabalu, Sabah pada Jumaat lalu.

Pejabat kesihatan itu menerusi satu hantaran di Facebook rasminya semalam memaklumkan, penumpang yang duduk di barisan 30 hingga 33 sudah menghubungi petugas Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis Kebangsaan (CPRC) pejabat berkenaan.

"Kita sedang cari kontak individu berkenaan. Kita nasihatkan agar amalkan 3W (*wash, wear dan warn*) serta elak 3C (*crowded place, confined space dan close conversation*)," kata kenyataan itu di sini semalam.

KDN nafi lantik syarikat urus pekerja asing

PUTRAJAYA - Kementerian Dalam Negeri (KDN) semalam menegaskan tidak pernah mengeluarkan perakuan pelantikan mana-mana syarikat bagi menguruskan pekerja asing.

KDN dalam kenyataan berkata, pihaknya telah mengesan penyebaran perakuan palsu mengenai pelantikan syarikat pengurusan pekerja asing di seluruh Malaysia menggunakan nama Ketua Setiausaha KDN, Datuk Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz@Yazid.

"Ingin ditegaskan bahawa maklumat ini adalah palsu," kata kenyataan itu di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, KDN juga telah membuat laporan polis berhubung perkara berkenaan selain menasihati orang ramai supaya tidak membuat sebarang pembayaran kepada mana-mana pihak yang mendakwa menguruskan pendaftaran atau program melibatkan warga asing. - *Bernama*

Kakitangan ibu pejabat JKR positif Covid-19

KUALA LUMPUR - Seorang kakitangan Jabatan Kerja Raya (JKR) di ibu pejabat JKR di Jalan Sultan Salahuddin di sini disahkan positif koronavirus (Covid-19) kelmarin.

JKR dalam kenyataan berkata, individu terbabit dikesan positif Covid-19 selepas menjalani ujian swab secara rawak di Lapangan Terbang Kuching, Sarawak pada Isnin lalu.

Menurut jabatan itu, petugas terbabit pergi ke Kuching untuk menghadiri satu mesyuarat di JKR Sarawak dan menginap di sebuah hotel.

"Dalam perjalanan pulang, pihak Hospital Kuching telah menghubungi beliau dan memaklumkan beliau positif Covid-19.

"Beliau telah dihantar ke Hospital Sungai Buloh, Selangor untuk rawatan lanjut sejurus tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur semalam (kelmarin)," demikian menurut kenyataan itu di sini semalam.

Susulan kes itu, JKR telah mengemukakan senarai nama kontak rapat kepada Kementerian Kesihatan (KKM) dan mereka akan menjalani saringan kesihatan serta kuarantin di rumah. - *Bernama*

584 individu ingkar arahan PKPP

KUALA LUMPUR - Kesalahan membabitkan aktiviti di kelab malam merupakan kesalahan ingkar arahan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) tertinggi dengan 292 kes direkodkan kelmarin diikuti dengan 224 individu ditahan kerana gagal mematuhi penjarakan fizikal.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, mereka merupakan antara 584 individu yang ditahan polis kelmarin selain seramai 18 individu ditahan kerana melanggar pe-



ISMAIL SABRI

rintah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD), 17 gagal menyediakan peralatan atau merekod butiran diri, 14 tidak memakai pelitup muka dan 13 menceroboh kawasan larangan.

"Enam premis didapati beroperasi lebih masa dan daripada jumlah itu (keseluruhan kes) seramai 568 individu telah dikompaun mana-

kala 16 individu direman," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Merujuk kepada Ops Benteng pula, Ismail Sabri berkata, seramai

65 pendatang asing tanpa izin (PATI), tiga penyeludup dan tiga tekong ditangkap dalam operasi itu selain menyeksikan rampasan 10 kenderaan darat.

Beliau berkata, daripada jumlah itu Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut menangkap 27 PATI atas kesalahan cuba keluar dari Malaysia melalui jalan yang tidak diwartakan di Kompleks Rakan Muda, Bandar Penawar, Johor.

"Polis turut menahan seorang lelaki warga tempatan kerana terlibat dengan aktiviti penyeludupan di Rantau Panjang, Kelantan," katanya dan menambah seramai 29,748 PATI telah pulang ke tanah air melalui pintu masuk sempadan antarabangsa sejak 24 Julai lepas. - *Bernama*

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

4

UTUSAN MALAYSIA
JUMAAT • 18 SEPTEMBER 2020

Dalam Negeri

Satu lagi kluster baharu di Sabah

Oleh HASIF IDRIS
utusannews@mediamuka.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengenal pasti satu lagi kluster baharu iaitu Kluster Selamat di Semporna, Sabah sehingga menyebabkan berlaku pertambahan dua kes yang dikesan positif Covid-19.

Kes indeks kluster itu yang merupakan kes ke-9969 merupakan seorang wanita rakyat tempatan yang berusia 32 tahun serta didapati positif Covid-19 pada 14 September lalu ketika saringan kemasukan ke Hospital Tawau bagi kelahiran

pramatang.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, hasil saringan kontak rapat dan pengesanan kes secara aktif mendapati satu lagi kes positif Covid-19 dikesan daripada kluster tersebut.

Katanya, kes merupakan pegawai perubatan yang merawat kes indeks tersebut dan sehingga hari ini, seramai 118 individu disaring dalam Kluster Selamat.

"Daripada jumlah ini, dua kes dikesan positif Covid-19 dan 116 individu masih menunggu keputusan.

